



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

PEKELILING PENGURUS BESAR BILANGAN 06/2021(JGM)

LANGKAH LANGKAH MENANGANI PENULARAN COVID 19 SEMASA KETIBAAN DAN OPERASI KAPAL DI PELABUHAN KLANG

Pelabuhan Klang adalah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting (essential service) dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu dilaksanakan pada setiap masa bagi mengekang penularan wabak Covid 19 di pelabuhan.

Lembaga Pelabuhan Kelang, (LPK) dengan kerjasama Agensi kerajaan yang terlibat dan pengguna pengguna pelabuhan telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif tambahan bagi melindungi kakitangan agensi terlibat, pekerja pelabuhan, anak kapal dan lain lain pengguna semasa ketibaan dan operasi kapal di Pelabuhan Klang.

Antara inisiatif tambahan adalah seperti berikut:

- 1) Malim pelabuhan perlu menjalani ujian swab PCR setiap dua (2) minggu.
- 2) Pengguna pelabuhan yang berurusan dengan kapal yang memerlukan interaksi fizikal dengan anak kapal seperti agen perkapalan, *boarding officer*, *surveyor*, juruteknik dan lain-lain perlu menjalankan ujian swab PCR setiap dua (2) minggu atau telah menjalankan ujian dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh menaiki kapal.
- 3) Anggota perkhidmatan sampingan pelabuhan seperti *stevedore/lashing gang* yang tidak berinteraksi dengan anak kapal adalah dikecualikan dari menjalani ujian swab. Namun mereka adalah dilarang berinteraksi secara fizikal dengan anak kapal dan tidak dibenarkan masuk ke *crew accommodation* semasa bekerja di atas kapal.
- 4) Tarikh berkuatkuasa ujian swab seperti di perenggan (1) dan (2) ialah 1 Mac 2021

Sekian, terima kasih.

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

GENERAL MANAGER'S CIRCULAR NO. 06/2021 (JGM)

ADDITIONAL MEASURES TO PREVENT THE SPREAD OF COVID 19 FOR ALL VESSEL ARRIVALS AND VESSEL OPERATIONS IN PORT KLANG

Port operations are categorized as essential services, as such Port Klang is permitted to operate during Movement Control Order (MCO).

Port Klang Authority (PKA) in cooperation with the relevant Government Agencies and Port Users have agreed to implement additional initiatives to protect the employees of vessel clearing agencies, port workers, vessels' crew and other users involved in vessel clearance and operations in Port Klang.

Among the additional initiatives are:

- 1) Port Pilots are to undergo a PCR swab test every two (2) weeks.
- 2) Shore personnel involved in physical interaction with vessels' crew such as shipping agents, boarding officers, surveyors, technicians and other related personnel are required to undergo a PCR swab test every two (2) weeks or within two (2) weeks prior to the boarding date.
- 3) Employees of ancillary services such as stevedore/lashing gang who do not have any direct interaction with vessels' crew are exempted from undergoing swab test. However, they are strictly prohibited from having direct physical interaction with vessels' crew or to enter the crew accommodation during work onboard vessels.
- 4) The effective date of the swab test implementation as per paragraph (1) and (2) is 1 March 2021.

Thank you.

General Manager

Port Klang Authority